

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 MAC 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	GIT perkasa usahawan wanita	Harian Metro
2.	Kes Jong-nam: Sedia kongsi maklumat selepas selesai di mahkamah	Berita Harian Online
3.	Kongsi maklumat selepas kes selesai	Utusan Malaysia Online
4.	Lapangan terbang seluruh negara selamat	Utusan Malaysia Online
5.	SIRIM tawar kepakaran kepada industri	Utusan Malaysia Online
6.	No sharing of info yet	The Sun
7.	'We have skills to analyse VX agent'	The Sun
8.	Malaysian personnel can handle chemical, nuke threats	New StraitsTimes

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 01 MAC 2017 (RABU)

GIT PERKASA USAHAWAN WANITA



WILFRED (tiga dari kiri) melawat meja pameran.

Girls in Tech Malaysia (GIT) baru-baru ini menganjurkan Malam Lou Sang yang bertemakan 'Teknologi Memandu Kemewahan' untuk mengumpulkan semua ahlinya selain meraikan Tahun Baru Cina.

Pengarah Urusan GIT, Nadira Mohd Yusoff berkata, penubuhan GIT sebagai organisasi usahawan sosial global bertujuan memberi tumpuan kepada program dalam memperkasa wanita menerusi teknologi dengan pembabitan dalam bidang pendidikan dan keusahawanan.

"Ditubuhkan pada Februari 2007,

GIT bermatlamat untuk menggalakkan pertumbuhan dan kejayaan wanita menerusi sektor keusahawanan serta ingin mereka tampil inovatif dalam sektor teknologi.

"Oleh itu, dalam mencapai matlamat berkenaan, kami menawarkan pelbagai program untuk meningkatkan aspirasi profesional mereka seperti Persidangan Catalyst, GIT M (program mentor), XChange, GIT Hackathons, GIT Work dan banyak lagi," katanya.

Katanya, GIT bukan hanya tertumpu untuk kumpulan wanita

profesional, malah untuk sesiapa saja yang mempunyai kepentingan dalam teknologi termasuk syarikat pemula.

Nadira berkenaan, acara berkenaan juga diadakan bertujuan untuk merapatkan jurang antara usahawan wanita dengan sistem sokongan yang ada, lebih-lebih lagi GIT adalah platform yang memberikan akses ke pasaran, pakar dan rakan industri.

Majlis yang disokong Microsoft sebagai rakan kongsi dan penaja lokasi berkenaan turut dihadiri **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**.

Mengulas mengenai perkembangan segmen teknologi di Malaysia, beliau berkata, dalam menggalakkan dan memudahkan pengkomersialan melalui inisiatif **MCY, MOSTI** akan terus bekerjasama dengan pemain industri yang berbeza dalam landskap STI negara.

"Kami akan bekerjasama rapat dengan kementerian lain seperti agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan NGO seperti GIT. Tahun ini, MOSTI merancang untuk melaksanakan pelbagai program kerjasama yang lebih kukuh dengan semua pihak yang membawa kepada acara penting," katanya.

BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY
TARIKH: 1 MAC 2017 (RABU)

BH ONLINE

Kes Jong-nam: Sedia kongsi maklumat selepas selesai di mahkamah



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap pada majlis perasmian penutup Multaqa Pendidikan dan Sosial Majlis Perundingan Islam di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, hari ini.

BANGI: Malaysia hanya bersedia berkongsi maklumat berhubung kes pembunuhan abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam dengan badan perisikan antarabangsa selepas kes itu diselesaikan di mahkamah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perkongsian maklumat secara perjanjian perundangan bersama (MLA) membabitkan empat aspek iaitu DNA, forensik, laporan kimia dan rakaman litar tertutup (CCTV).

"Kita boleh kongsi maklumat dengan badan perisikan antarabangsa dan boleh diguna pakai oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) selepas PDRM (Polis Diraja Malaysia) menyelesaikan siasatan.

"Siasatan itu mesti konklusif membabitkan bukan hanya PDRM, malah Kementerian Kesihatan Malaysia, **Jabatan Kimia**, serta Jabatan Penerangan Awam khususnya MAHB (Malaysia Airport Holding Berhad), yang mempunyai CCTV bagi merakamkan insiden berkenaan. "Malaysia terbuka berkongsi dengan mereka tetapi mereka harus menghormati sistem dan perundangan kita... sehingga prosedur perundangan berjalan dan dimuktamadkan melalui sistem kehakiman," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian penutup Multaqa Pendidikan dan Sosial Majlis Perundingan Islam di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri mengulas gesaan Britain yang mahu Malaysia berkongsi bukti siasatan kes pembunuhan abang pemimpin Korea Utara, Jong-un dengan PBB yang boleh boleh mengambil tindakan ke atas Korea Utara. Semalam, Duta Britain, Matthew Rycroft dilaporkan berkata, maklumat mengenai serangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) pada 13 Februari lalu yang menyebabkan Jong-nam terbunuh seharusnya dihantar kepada Pertubuhan Larangan

Senjata Kimia (OPCW) yang berpangkalan di Hague. Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata siasatan awal PDRM mendapati, pihak yang disyaki melakukan pembunuhan terancang itu memulakan operasi dua bulan sebelum kejadian berlaku. Beliau berkata, PDRM mengambil tindakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan berjaya mengesan suspek pertama dalam tempoh kurang 24 jam, manakala suspek kedua kurang 48 jam.

Mengulas sama ada kes pembunuhan itu menjelaskan nama baik Malaysia, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak bimbang mengenai perkara itu kerana Malaysia tidak mempunyai agenda tersembunyi, bersekongkol dengan negara lain atau melindungi penjenayah. "Saya tidak gusar kerana nama negara kita tidak terjejas, nama baik kita diburukkan oleh negara yang mungkin melakukan perkara itu melalui ejen mereka yang akhirnya dengan sistem propaganda mereka menuduh kita bersekongkol dengan negara lain," katanya.

Kongsi maklumat selepas kes selesai



Jamil Khir Baharom (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ahmad Zahid Hamidi sambil diperhatikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki (dua dari kanan) pada Majlis Penutupan Multaqa Pendidikan dan Sosial di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, semalam.

KUALA LUMPUR 28 Feb. – Malaysia hanya akan berkongsi maklumat mengenai pembunuhan warga Korea Utara, Kim Jong-nam dengan badan perisikan antarabangsa selepas kes itu diselesaikan di mahkamah negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, empat aspek utama kes pembunuhan tersebut yang akan dikongsi ialah laporan asid deoksiribonukleik (DNA), laporan kimia, laporan forensik dan laporan daripada rakaman litar tertutup (CCTV).

"Kita boleh berkongsi maklumat hanya setelah kes ini disiasat secara menyeluruh oleh pihak polis, Kementerian Kesihatan, **Jabatan Kimia** dan Jabatan Penerbangan Awam, khususnya Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sehingga ia diselesaikan di mah-kamah.

"Kita terbuka untuk berkongsi tetapi mereka perlu menghormati sistem perundangan sedia ada di negara ini.

"Perkongsian ini akan dibuat melalui perjanjian perundangan bersama jika ada mana-mana badan perisikan antarabangsa membuat permohonan selain maklumat ini boleh digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya dalam sidang akhbar di Multaqa Pendidikan dan Sosial Majlis Perundingan Islam (MPI) di Institut Latihan Islam Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai gesaan Britain yang mahu Malaysia berkongsi bukti serangan agen saraf VX yang membunuh Jong-nam.

Menurut Ahmad Zahid, siasatan awal polis mendapati perancangan untuk membunuh Jong-nam dibuat dua bulan sebelum insiden berlaku.

"Jenayah yang dilakukan tersebut telah dirakamkan melalui CCTV dan suspek utama ditahan dalam tempoh 24 jam manakala seorang lagi dalam tempoh 48 jam dan ini membuktikan polis kita profesional dalam menjalankan siasatan mengikut prosedur operasi standard (SOP).

"Bagaimanapun, pihak polis juga masih menyiasat bagaimana agen saraf VX itu dibawa masuk ke negara ini," katanya.

Tambah Ahmad Zahid, laporan DNA Jong-nam telah diselesaikan dan berdasarkan perundangan negara ia perlu dipadankan dengan waris mangsa.

"Beberapa langkah telah diambil untuk memanggil waris mangsa untuk memadankan DNA," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, nama baik Malaysia tidak terjejas walaupun ada cubaan untuk menuduh Malaysia bersekongkol dengan negara lain dalam kes pembunuhan Jong-nam.

Lapangan terbang seluruh negara selamat



Liow Tiong Lai (kiri) melihat pameran selepas merasmikan Pusat Kajian Sosial dan Polisi Tun Tan Cheng Lock di Universiti Tunku Abdul Rahman hari ini. Turut hadir Pengurus Malacca Bersatu, Tan Siok Choo (dua, kiri).

KUALA LUMPUR 28 Feb. – Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai hari ini memberi jaminan semua lapangan terbang di negara ini berada dalam keadaan selamat.

Katanya, orang ramai tidak perlu bimbang dengan aspek keselamatan di semua lapangan terbang negara ini termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di mana rakyat Korea Utara, Kim Jong-nam, dibunuh pada 13 Februari lalu.

"Lapangan terbang kita selamat dan pemeriksaan mendapati tidak ada sebarang bahan toksik."

"Kita mahu memberitahu orang ramai supaya jangan risau, tiada apa yang perlu dibimbangkan. Kita akan terus mengukuhkan tahap keselamatan kita dari semasa ke semasa," katanya.

Tiong Lai yang juga Presiden MCA ditemui pemberita selepas melancarkan Pusat Kajian Sosial dan Polisi Tun Tan Cheng Lock di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Canselor UTAR, Tun Dr. Ling Liong Sik dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Tiong Lai berkata, pihaknya belum mendapat laporan mengenai pekerja syarikat penerbangan Korea Utara, Koryo Air, Kim Uk-il, 37, yang kini dicari bagi membantu siasatan..

Selain Uk-il, seorang lagi suspek yang dikehendaki bagi membantu siasatan kes itu ialah setiausaha kedua Kedutaan Korea Utara di Malaysia, Hyon Kwang-song yang berusia 44 tahun.

Jong-nam, yang hidup secara terasing daripada adiknya pemimpin Korea Utara Kim Jong-un, dibunuh dengan bahan kimia yang kemudian dikenal pasti oleh Jabatan Kimia sebagai agen saraf VX. – BERNAMA

BERITA ONLINE
UTUSAN.COM.MY
TARIKH: 1 MAC 2017 (RABU)



SIRIM tawar kepakaran kepada industri



Shahiruddin Ab. Moin (kiri) melawat pameran daripada agensi yang bekerjasama dengan SIRIM Berhad di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

KUANTAN 28 Feb.—**SIRIM Berhad (SIRIM)** menawarkan kepakaran teknologi kepada industri di negeri ini melalui Program Keterlibatan SIRIM- Industri dalam usaha meningkatkan produktiviti dengan pelbagai aplikasi.

Naib Presiden Perancangan Strategik Kumpulan SIRIM, Goay Peck Sim berkata, melalui hubungan baik antara SIRIM dengan agensi kerajaan dan industri, program ini bukan sahaja mengukuhkan kerjasama sedia ada, malah secara tidak langsung lebih banyak penyelidikan, pembangunan, latihan dan pengujian dapat dilaksanakan.

Menurutnya, Program Keterlibatan SIRIM -Industri ini membantu usahawan dan agensi memahami lebih lanjut mengenai aktiviti serta perkhidmatan yang disediakan SIRIM untuk membantu meningkatkan produktiviti, daya inovasi dalam sistem pengurusan masing-masing.

"Para usahawan dapat berinteraksi secara lebih dekat dengan penyelidik SIRIM dan wakil industri untuk mengenal pasti sebarang permasalahan sedia ada dan mencari penyelesaian lebih inovatif.

"Sehingga kini sebanyak 336 audit teknologi telah dijalankan ke atas syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan daripada jumlah itu, 75 syarikat sedang melaksanakan projek intervensi melalui adaptasi teknologi dan peningkatan tahap automasi serta mekanisasi dalam proses pengeluaran," katanya pada program tersebut di sini hari ini.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Shahiruddin Ab. Moin.

Menurut Peck Sim, selain itu, sebanyak 39 syarikat kecil dan mikro telah mendapat manfaat melalui pembungkusan dan pelabelan baharu yang memenuhi kehendak pasaran serta akta pelabelan berkaitan, manakala 26 syarikat kecil dan mikro juga kini sedang melaksanakan intervensi berkaitan dengan automasi dan mekanisasi dalam proses pengeluaran.

Sementara itu, Shahiruddin berkata, kerajaan negeri mengalu-alukan kerjasama ini kerana yakin SIRIM mampu memacu pembangunan dan pertumbuhan negeri ini

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 1 MAC 2017 (RABU)

No sharing of info yet

> Probe details can only be released after legal procedures completed: Zahid

BY HAikal JALIL
newsdesk@thesunday.com

BANGI: The sharing of information on the Kim Jong-Nam murder case with international intelligence agencies and the United Nations (UN) can only be done after conclusive investigations and legal processes have been conducted by local authorities, Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said yesterday.

He said medical authorities had completed tests on Jong-Nam but legal procedures require the results to be DNA-matched with the deceased's next-of-kin.

"We have taken several measures to contact the next of kin," he said.

Police investigations were conducted based on four aspects - DNA, forensics, chemistry and CCTV recordings of the incident.

"These four aspects can be shared with international intelligence agencies and bodies under the UN after investigations have been completed and court processes are concluded," he added.

The investigation must be



conclusive and it not only involves the police, but also the Health Ministry, Chemistry Department and the Department of Civil Aviation."

On a high-level delegation from North Korean which is here to discuss the matter with the government, including the return of Jong-Nam's body, Ahmad Zahid said Malaysia's legal system must be respected and followed.

"We can only fulfil their request if all procedures have been concluded."

Ahmad Zahid, who is also home minister, said that based on police investigations, the perpetrators involved in the assassination of Kim Jong-Nam are believed to have started their operations here two months before the killing.

Earlier in PUTRAJAYA, Ahmad Zahid received a courtesy visit from ten newly-appointed ambassadors at his office in Perdana Putra.



Ahmad Zahid (centre) with the new ambassadors who called on him a visit at Putra Pardena yesterday.

He said the country's image had been cast in unfavourable light following the murder of Jong-Nam, and reminded the envoys of the importance of their tasks in protecting the country's image abroad.

He also urged the ambassadors to promote Malaysia as the world's trusted authority in the

issuance of halal certificates.

The ten ambassadors received their letters of appointment from the Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V in a ceremony at Istana Negara on Feb 21.

The new ambassadors are Syed Md Hasrin Tengku Hussin @ Syed Hussin (United Arab Emirates), Zainal Abidin Bakar (Spain), Datuk

Rustam Yahaya (Iran), Cheong Loon Lai (Hungary), Datuk Hidayat Abdul Hamid (India), Anizan @ Siti Hajjar Admin (Ireland), Mohd Aini Atan (Laos), Syed Mohamad Bakri Syed Abdul Rahman (Kazakhstan), Datuk Mohd Khalid Abbas Abdul Razak (Argentina) and Agus Salim Yusof (Bahrain).

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 01 MAC 2017 (RABU)

'We have skills to analyse VX agent'

KUALA LUMPUR: Malaysia has the expertise and technology to detect and analyse the VX nerve agent which was used in the killing of Kim Jong-Nam despite not having the experience in handling the chemical.

A lecturer at the Chemistry Department of the Science Faculty, Universiti Teknologi Malaysia, Prof Dr Abdul Rahim Yacob said there was no reason to doubt the investigation and analysis on the case by Malaysia's chemists as their expertise is recognised worldwide.

He expressed confidence of the department's capability to carry out an analysis of the chemical weapon.

Abdul Rahim has more than 20 years of experience in forensic science and had served as a chemist at the Department of Chemistry Malaysia for 10 years.

"It is compulsory for chemists to register every year with the Malaysian Institute of Chemistry." - Bernama

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 28 FEBRUARI 2017 (SELASA)

AELB

Malaysian personnel can handle chemical, nuke threats

KUALA LUMPUR: Malaysia has taken a step forward by equipping its personnel with the skills and knowledge in handling possible chemical, biological, radiological, nuclear and explosives (CBRNe) threats.

Atomic Energy Licensing Board (AELB) director-general Hamrah Mohd Ali said the agency had experts trained to handle activities or incidences, especially on radiological and nuclear threats.

"CBRNe (attacks), if they happen in our country, will be coordinated by the National Security Council, but we will take the lead as the technical agency when it is related to radiology and nuclear threats."

"We will continue to improve our knowledge on radiological and nuclear threats through continuous engagement and exercise conducted with international parties, such as the International Atomic Energy Agency."



Hamrah Mohd Ali

"We also keep up with the latest and more advanced technology to detect new versions of the threats," he told the *New Straits Times*.

Counterterrorism expert Andrin Raj yesterday said the assassination of Kim Jong-nam using a nerve agent and the incident where iridium was stolen from an oil and gas exploration company in Klang recently were signs that the CBRNe threat in Southeast Asia was "realistic".

He said CBRNe threats had been discussed among security experts, adding that Malaysian authorities must increase their preparedness to counter any such threat to the country.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar, who was asked to comment on Andrin's view, believed that all countries were exposed to CBRNe threats.

"The whole world is exposed to these kind of threats, not only in Southeast Asia," he told the *New Straits Times*.